

## DIGITAL DAY 2019: PROMOSI DEPOSIT PERMULAAN RM50 UNTUK PEMBUKAAN AKAUN PAY&SAVE DALAM TALIAN

### TEMPOH PROMOSI

“Digital Day 2019: Promosi Deposit Permulaan RM50 untuk Pembukaan Akaun Pay &Save Dalam Talian” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) bermula pada 7 Julai 2019 (00:00 MYT) dan berakhir pada 20 Julai 2019 (23:59 MYT), kedua-dua tarikh tersebut adalah inklusif (“Tempoh Promosi”), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

HLB and HLISB secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”.

### Terma dan Syarat

Berikut adalah terma dan syarat yang diguna pakai untuk Promosi (“T&S”):-

### KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka untuk penyertaan semua individu Malaysia yang sedia ada dan baru yang membuka Akaun Hong Leong Pay&Save dan / atau Akaun-i Hong Leong Pay&Save dengan Bank (“Akaun Penyertaan Baru”) dalam Tempoh Promosi (“Pemegang Akaun Baru”).
2. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pemegang-pemegang akaun sedia ada ialah merujuk kepada pelanggan-pelanggan yang mempunyai Akaun Semasa atau Simpanan HLB / Akaun Semasa atau Simpanan HLISB (“CASA / CASA-i”) bersama simpanan Bank dan kecuali untuk Akaun Penyertaan Baru sebelum Tempoh Promosi. Manakala, pemegang-pemegang akaun baru merujuk kepada pelanggan yang tidak mempunyai CASA / CASA-i dengan Bank atau mana-mana Akaun Penyertaan Baru sebelum Tempoh Promosi.
3. Pelanggan-pelanggan berikut TIDAK layak menyertai Promosi ini:
  - a. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa tindakan berunsur penipuan, melanggar undang-undang atau melakukan kesalahan yang berkaitan dengan mana-mana fasiliti yang diberikan oleh pihak Bank atau telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi;
  - b. Pelanggan-pelanggan yang ditentukan oleh pihak Bank berpotensi melakukan mana-mana perbuatan yang salah sebagaimana yang dinyatakan di sini;
  - c. Pelanggan-pelanggan bukan individu termasuk syarikat-syarikat, badan-badan korporat, pemilik-pemilik tunggal, rakan kongsi dan pengamal profesional;
  - d. Individu di bawah umur 18 tahun dan / atau
  - e. *Hong Leong Priority Banking, Private Banking* dan pekerja-pekerja Bank berstatus tetap dan kontrak

### **MEKANIK-MEKANIK PROMOSI**

4. Pemegang-pemegang Akaun Baru dikehendaki hadir bagi tujuan yang dinyatakan di bawah ini untuk layak mendapatkan Ganjaran Pendaftaran.
  - a. Memohon dan melengkapkan mana-mana permohonan dalam talian Akaun Penyertaan Baru melalui laman sesawang Bank di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("Laman Sesawang Bank") semasa tempoh promosi; dan
  - b. Buka dan aktifkan Akaun Penyertaan Baru di mana-mana cawangan Bank di Malaysia dengan memasukkan Deposit Permulaan Minimum yang ditetapkan (seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah) dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan dalam talian yang berjaya untuk Akaun Penyertaan Baru.

**Jadual 1:**

<b>Akaun Penyertaan Baru</b>	<b>Deposit Permulaan Minimum (RM)</b>	<b>Ganjaran Pendaftaran (RM)</b>	<b>Ganjaran Bonus (RM)</b>
Akaun Hong Leong Pay&Save	200.00	30.00	20.00
Akaun-i Hong Leong Pay&Save	200.00		

5. Seterusnya, Pemegang-pemegang Akaun Baru juga layak mendapat Ganjaran Bonus tambahan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di atas jika mereka berjaya mendaftar dan log masuk ke Aplikasi Hong Leong Connect ("Connect App") dalam tempoh 30 hari kalendar bermula dari tarikh pembukaan Akaun Penyertaan Baru ("Pendaftaran Baru Aplikasi Connect "). Manakala, pemegang-pemegang akaun sedia ada yang telah mendaftar untuk Aplikasi Connect akan secara automatik layak untuk Ganjaran Bonus .
6. Pemegang-pemegang Akaun Baru yang telah memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan dalam Klausa 4 dan 5 di atas hendaklah dirujuk sebagai "Pemegang-pemegang Akaun Yang Layak".
7. Semua Deposit Permulaan Minimum untuk tujuan Promosi ini mestilah hanya "Dana-dana Baru" sahaja. Untuk mengelakkan keraguan, "Dana-dana Baru" ditakrifkan sebagai:
  - a. Tunai, GIRO antara bank, dana baru diterima melalui pindahan telegraf dari bank-bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun Penyertaan Baru; dan
  - b. Perolehan yang timbul hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau Hong Leong Invest Safe sepanjang Tempoh Promosi yang dimasukkan semula ke dalam Akaun Penyertaan Baru.
8. Yang berikut TIDAK dianggap sebagai "Dana-dana Baru":
  - a. Deposit Tetap Matang atau Deposit Tetap-i ("FD / FD-i") atau pengeluaran pra-matang sebarang akaun FD / FD-i sedia ada; dan
  - b. Pemindahan dana antara bank, iaitu pemindahan dana daripada Akaun HLB / HLISB yang lain, - akaun-akaun penyertaan, FD / FD-i atau Akaun Pelaburan Am ("GIA").

9. Ganjaran Pendaftaran dan Ganjaran Bonus (secara kolektif dirujuk sebagai "Ganjaran") yang diperuntukkan oleh Bank untuk Promosi ini dihadkan kepada Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000.00) hanya sepanjang Tempoh Promosi, pada peringkat pertama, atas dasar 'Siapa terawal datang, akan didahulukan'.  
Selepas daripada ini, tiada lagi ganjaran yang akan diberikan apabila had yang ditetapkan telah tercapai.
10. Ganjaran-ganjaran adalah terhad kepada Enam Ratus (600) pertama Pemegang-pemegang Akaun Yang Layak, terhad kepada satu (1) Ganjaran bagi setiap Pemegang Akaun Yang Layak tanpa mengira nombor Akaun Penyertaan Baru yang diguna pakai sepanjang Tempoh Promosi, (iaitu Ganjaran dihadkan hanya dengan maksimum Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) sahaja.
11. Untuk mengelakkan keraguan, hanya Akaun Penyertaan Baru yang berjaya diaktifkan, diposkan dan dipancarkan dalam sistem Bank berhak mendapat Ganjaran.
12. Bank akan menjejaki Pemegang-pemegang Akaun Yang Layak secara automatik pada akhir Tempoh Promosi. Tidak perlu borang penyertaan atau pendaftaran penyertaan tambahan.
13. Akaun Penyertaan Baru Pemegang-pemegang Akaun yang Layak mesti kekal terbuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) dari Tempoh Promosi dan sehingga 31 Oktober 2019 untuk tujuan Penghargaan Ganjaran. Sekiranya Akaun Peserta Baru ditutup kerana sebarang sebab pada bila-bila masa semasa Tempoh Promosi dan / atau sebelum 31 Oktober 2019, Pemegang Akaun Yang Layak akan hilang kelayakan daripada menerima Ganjaran

#### **MEMENUHI PULANGAN GANJARAN**

14. Pemegang Akaun Layak yang berjaya ("Pemenang") akan dimaklumkan oleh Bank melalui khidmat Pesanan Ringkas ("SMS"), atau senarai nama-nama Pemenang di Laman Sesawang Bank, dan / atau dalam sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai dengan Bank tidak lewat dari 31 Oktober 2019.
15. Untuk mengelakkan keraguan, adalah menjadi kewajipan kepada para Pemenang untuk memberikan maklumat perhubungan mereka yang terkini dan tepat (iaitu nombor telefon mudah alih dan / atau nombor telefon) kepada Bank dan Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang-pemenang tidak dapat dihubungi di atas apa jua sebab.
16. Ganjaran akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Baru Pemenang selewat-lewatnya sebelum 31 Oktober 2019 dan transaksi akan terpancarkan di penyata Akaun Penyertaan Baru Pemenang.

17. Pemenang yang tidak menerima apa juga sebarang notifikasi daripada pihak Bank sehingga 31 Oktober 2019 dianggap TIDAK layak atau berhak ke atas Ganjaran-ganjaran.
18. Sekiranya masih tidak menerima Ganjaran, adalah menjadi bertanggungjawab para Pemenang untuk memaklumkan kepada pihak Bank secara bertulis tidak lewat dari 30 hari dari tarikh 31 Oktober 2019, jika gagal, Ganjaran dianggap telah diterima oleh pemenang-pemenang dan Bank tidak akan melayan sebarang tuntutan daripada pemenang-pemenang yang tidak menerima Ganjaran mereka selepas tamat tempoh 30 hari yang disebutkan itu.
19. Perkhidmatan SMS untuk Promosi ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) ("M3Tech"), vendor SMS rasmi yang dilantik oleh Bank.

### **UMUM**

20. Dengan mengambil bahagian dalam Promosi ini, Pemegang-pemenang Akaun Baru setuju bahawasanya:
  - a. telah membaca, memahami dan terikat oleh Terma & Syarat di sini, Terma-terma dan Syarat-syarat Umum Akaun Bank dan Terma-terma dan Syarat-syarat Akaun Penyertaan Baru;
  - b. bahawa keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pemegang Akaun Baru dan tiada surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank akan dilayan;
  - c. untuk mengakses Laman Sesawang Bank pada selang masa yang tetap bertujuan melihat Terma & Syarat Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti sebarang perubahan yang dikemaskini atau variasi ke atas Terma & Syarat;
  - d. bahwa Ganjaran tidak dapat berpindahtangan kepada mana-mana pihak ketiga (3) dan tidak dapat ditukarkan dengan kredit pendahuluan, cek atau dalam sebarang jenis manfaat; dan
  - e. bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi tersebut.
21. Bank berhak:
  - a. Untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui penyiaran di Laman Sesawang Bank dengan notis dua puluh satu (21) hari sebelumnya, atau dengan cara lain yang dianggap praktikal oleh Bank;
  - b. Untuk mengubah, menambah, membatalkan atau menggantikan mana-mana atau semua Ganjaran dengan produk alternatif yang sama nilai pada bila-bila masa dengan pemberian notis terlebih dahulu;
  - c. Untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pemegang Akaun Baru atas apa jua sebab sebagaimana yang dibenarkan oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya yang dianggap layak untuk menyertai Promosi dan / atau berhak mendapat Ganjaran;

- d. Melupakan Ganjaran sekiranya Terma & Syarat di sini tidak dipatuhi oleh Pemegang Akaun Baru, dan / atau Terma dan Syarat Umum Hong Leong berkenaan dengan CASA / CASA-i dan semua undang-undang / peraturan lain yang berkenaan.
  
22. Terma & Syarat di sini dan Terma-terma dan Syarat-syarat Umum akan dibaca sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan di antara Terma & Syarat di sini dan Terma dan Syarat Am Akaun, Terma & Syarat yang terkandung di sini akan mengatasi sejauh mana percanggahan tersebut.
  
23. Pemegang-pemegang Akaun Baru yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau kesalahan yang berkaitan dengan mana-mana fasiliti yang diberikan oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen sama ada oleh pihak Bank, bank-bank lain atau mana-mana pihak ketiga pihak) atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa semasa Tempoh Promosi, TIDAK layak untuk dibatalkan dan TIDAK berhak mendapat Ganjaran.
  
24. Sekiranya terdapat percanggahan di antara Terma & Syarat ini berbanding pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengannya atau berkaitan dengan Promosi ini, Terma & Syarat di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.
  
25. Terma & Syarat di sini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk mengemukakan kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
  
26. Perkataan-perkataan yang menggambarkan satu jantina mencakupi semua jantina yang lain dan perkataan-perkataan yang menunjukkan bentuk tunggal mencakupi bentuk majmuk dan sebaliknya.

Akaun/-i Hong Leong Pay&Save adalah akaun deposit berdasarkan prinsip Syariah Tawarruq. Akaun Hong Leong Pay&Save dan Akaun-i Hong Leong Pay&Save layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.